



Hamizah Zahari
Guru Bahasa
Pusat Bahasa Moden
Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

Karya Kreatif

Layar Hijrahku

Di ufuk waktu yang merangkak Maghrib,
ku panjatkan doa kepada Khalikul alam,
bersama pengajaran yang kujadikan karib,
pelayaran setahun bermalam-malam,
ada badai, ada tenang,
ada luka yang mendalam,
ada syukur yang menenangkan.

Di tengah pelayaran kehidupan,
aku hanyut kadangkala,
buta tak nampak ribut di depan,
layar robek kerana alpa,
kompas iman keliru arah,
namun kasih-Nya dengan ibrah,
sentiasa meniup angin pulang tidak menyerah.

Kini tiba di pelabuhan Hijrah,
pelayaran ini belum berakhir,
langit baharu belum menjanjikan cerah,
tetapi aku tahu dalam mendepani takdir,
kapal harus diperkuat,
layar harus dipasang semula,
dengan ilmu sebagai peta.

Ayuh kita belayar bersama,
menuju pantai yang lebih mulia,
demi membangun Ummah Madani,
di bumi ilmu seawal embun dini.

CREATIVE WORK

Layar Hijrahku

26 June 2025